




TAX DEDUCTION INITIATIVE FOR RESEARCH & HOW INDUSTRIES CAN BENEFIT



What is TAX Deduction?

A legal way to reduce tax paid by providing research funds for R&D activity to approved research Institutes.

Type of TAX Deduction for R&D



SINGLE

Peruntukan Khas
Subsection 34(7) ACP
1967
(single deduction)



DOUBLE

Potongan Khas
Seksyen 34A & 34B
ACP 1967
(double deduction)

Research Grants

Certification



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

MOF.TAX(S)700-3/1/90(2)

22 April 2019

Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raya, Batu Pahat
JOHOR DARUL TA'ZIM

Faks: 07-4536 337

PROF. TS. DR. RUZAIRI BIN HJ. ABDUL RAHIM
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tuan,

**SIJIL NAMA INSTITUSI PENYELIDIKAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH
SEKSYEN 34B AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Dengan segala hormatnya adalah saya merujuk kepada surat kelulusan
Kementerian Kewangan rujukan: CR(8.09)249/6/4-17(SJ.2)Vol.4(SK.4)(3)
bertarikh 23 Mac 2018 dirujuk.

2. Selaras dengan kelulusan penukaran nama Pusat Pengurusan
Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebagai sebuah
institusi penyelidikan yang diluluskan di bawah seksyen 34B Akta Cukai
Pendapatan 1967, bersama-sama ini dilampirkan sijil pengiktirafan tersebut
untuk simpanan dan makluman pihak tuan jua.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



Saya yang menjalankan amanah,


(MAHFUZAH BINTI BAHARIN)
Setiausaha Bahagian Cukai,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.



▶ **UTHM's Research Management Centre (RMC) are certify by Ministry of Finance as Registered Research Institute from 23 March 2018**

Difference Sub Section 34 (A & B)



Guidelines



GARIS PANDUAN PROSEDUR PERMOHONAN POTONGAN KHAS BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK

2.1 Definisi

"Penyelidikan dan pembangunan" ertinya apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil, atau proses tetapi tidak termasuk –

- (a) kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
- (b) penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- (c) pemungutan data rutin;
- (d) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- (e) penyelidikan pasaran atau promosi jualan;
- (f) pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, proses atau kaedah pengeluaran, atau
- (g) pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.

2.3 Aktiviti R&D Yang Layak

Aktiviti R&D hendaklah memenuhi kriteria kelayakan bagi aktiviti R&D yang layak seperti berikut:

- (a) Mempunyai objektif untuk-
 - (i) memperolehi pengetahuan baharu;
 - (ii) mencipta produk baharu atau proses baharu; atau
 - (iii) penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada.
- (b) Melibatkan perkara yang baharu (sesuatu yang baharu); atau risiko teknikal; dan
- (c) Merupakan kajian yang sistematik (*systematic*), penyiasatan (*investigation*) dan eksperimen (*experimental*) - (*SIE*) di dalam bidang sains atau teknologi;

DTD Technical Calculation

Example :

SyndicakeJB sponsor 1 Contract Research in UTHM for RM100K. Disbursement was made in 2019 for RM50K and another RM50K will be made in 2020.

For 2019, SyndicakeJB declared RM200K in Income. They also have approximately RM30K in expenditure.

In this case, SyndicakeJB Paid up Capital is less than 500k



Year Assessment 2019

If Paid Up Capital RM 2.5 Million or Less

First RM500,000 : 17%

Subsequent : 24%

Paid Up Capital More than RM 2.5 Million

: 24%

Technical Calculation with DTD

	Without Double Tax Deduction (RM)	With Double Tax Deduction (RM)
Income	200,000.00	200,000.00
(-) Expenditure	30,000.00	30,000.00
(-) Allowable Deduction Double Tax for Research		100,000.00 (RM50,000 X2)
Taxable Income	170,000.00	70,000.00
Tax Paid YA 2019 (17%)	28,900.00	11,900.00

NEGATIVE CASHFLOW


**RM 28,900 – RM 11,900 =
RM 17,000**

DTD Step Procedure



STEP 1

Staff and Industry engagement



STEP 2

Companies award grant



STEP 3

Project received and active



STEP 4

RMC UTHM Obtain more info on Company's accounting



STEP 5

RMC UTHM sent document to Companies



STEP 6

Companies verify document



STEP 7

Companies attach with Form C




STEP 8

After company accounting period, submit to LHDN

- Form 3 (SEK 34B ACP 1967)
- Original Receipt
- DTD Certificate
- Letter of award/declaration

COMPANY DETAIL

- Name of company :
- Income Tax Reference No. :
- Company Address :
- Phone No. :
- Date of Incorporation :
- Date of Commencement of Business :
- Equity Structure :
 - Malaysian Citizen :
 - Foreigner :
(Please state name of Country)
- Main Company's Activities :
- Types of Products :
- Basis Period of Company Account :
- Person in Charge :
- Person in Charge Contact No. :



MAKLUMAT PENGECUALIAN DUA KALI (DTD) UNTUK R&D

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM NO 5/2020

Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak

KANDUNGAN

- **Objektif**
- **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**
- **Tafsiran**
- **Pengenalan**
- **Kriteria Kelayakan untuk Menuntut Insentif**
- **Projek dan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan**
- **Penentuan bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak 7**
- **Aktiviti-Aktiviti yang Tidak termasuk Sebagai Aktiviti Penyelidikan dan 40**
- **Pembangunan**
- **Aktiviti-Aktiviti Bukan Penyelidikan dan Pembangunan 43**
- **Permulaan dan Penyelesaian Bagi Aktiviti Penyelidikan dan 44 Pembangunan**
- **Kemas kini dan Pindaan 45**
- **Penafian**

KETETAPAN UMUM NO 5/2020

Objektif

Menjelaskan definisi **penyelidikan dan pembangunan (R&D)** dan kriteria kelayakannya, untuk membantu menentukan sama ada sesuatu aktiviti yang dijalankan untuk R&D di dalam perjalanan biasa perniagaan, layak sebagai **aktiviti R&D**

Peruntukan undang-undang berkaitan

Mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan (13 Ogos 2020).

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7 dan 8, subseksyen 33(1) dan 34(7), seksyen 34A dan 34B.

Tafsiran

TAFSIRAN	HURAIAN
Institut penyelidikan yang diluluskan	institut, termasuk syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 45 Akta Syarikat 2016, yang diluluskan oleh Menteri untuk terutamanya menjalankan penyelidikan dalam industri
Pemastautin	Pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti di bawah seksyen 7 atau 8 ACP
Penyelidikan & pembangunan	kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi
R&D dalaman (in-house)	Aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia oleh seseorang di dalam perniagaanya dengan tujuan untuk menggunakan hasil R&D bagi memajukan perniagaanya

Pengenalan

Penemuan dan pembangunan teknologi yang lebih baik bermula dengan R&D iaitu **suatu pengetahuan baharu adalah objektif yang dijangkakan.**

Di Malaysia, syarikat-syarikat yang merentas spektrum industri yang luas telah digalakkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan R&D supaya kekal berdaya saing di peringkat global.

Langkah-Langkah menggalakan R&D di kalangan perniagaan di Malaysia adalah pemberian insetif dalam bentuk:

- Peruntukan khas di bawah subseksyen 34(7) ACP (potongan satu kali) untuk perbelanjaan R&D, bersifat bukan modal; atau
- Potongan khas di bawah **seksyen 34A ACP** (potongan dua kali) untuk perbelanjaan R&D dalaman (in-house R&D), bersifat bukan modal; dan
- Potongan khas di bawah **seksyen 34B ACP** (potongan dua kali) untuk :
 - sumbangan secara tunai kepada institut penyelidikan yang diluluskan;
 - bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; atau
 - bayaran untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak.

Kriteria Kelayakan

Syarat yang perlu diketahui bagi individu yang ingin menuntut insentif:

- a. Permastautin bagi tujuan pencukaian di Malaysia
- b. Menjalankan perniagaan di Malaysia
- c. Menjalankan aktiviti R&D berhubung dengan perniagaanya di Malaysia
 - o Secara dalaman (in-house)
 - o Penyumberan luar (outsourcing) / syarikat R&D kontrak di Malaysia
- d. Menjalankan aktiviti R&D yang memenuhi kriteria kelayakannya untuk layak sebagai aktiviti R&D yang layak;
- e. Mendapatkan kelulusan untuk aktiviti R&D daripada KPHDN, jika potongan dua kali yang dituntut adalah di bawah seksyen 34A, ACP; atau
- f. Menggunakan khidmat institut atau syarikat yang diluluskan oleh Menteri yang berkaitan, jika potongan dua kali yang dituntut adalah di bawah seksyen 34B, ACP.

Projek dan Aktiviti R&D

Suatu aktiviti R&D

- Boleh digambarkan sebagai suatu jumlah tindakan yang sengaja dilakukan (dirancang dan dianggarkan) oleh pelaksana R&D, bagi **menjana pengetahuan baharu berdasarkan konsep asal dan tafsiran atau hipotesis mereka, untuk mencapai kemajuan dalam bidang sains atau teknologi;**
- Tidak pasti mengenai hasil akhirnya (**atau sekurang-kurangnya mengenai kuantiti masa dan sumber yang diperlukan untuk mencapainya**);
- Harus bertujuan untuk **menyelesaikan ketidakpastian saintifik atau teknologi** dan cabaran yang berkaitan dengan **mencapai kemajuan dalam pengetahuan atau keupayaan keseluruhan dalam bidang sains atau teknologi.**
- Harus **mencapai kemajuan dalam pengetahuan sains dan teknologi dan keupayaan secara keseluruhan dalam bidang sains atau teknologi.** Jika aktiviti yang dijalankan menggunakan sains atau teknologi yang sedia ada semata-mata untuk memajukan pengetahuan dan keupayaan seseorang yang sedia ada sahaja, ini bukanlah satu aktiviti R&D.

Aktiviti R&D yang layak

Aktiviti untuk tujuan R&D mesti memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya di bawah seksyen 2, ACP bagi memenuhi syarat sebagai aktiviti R&D yang layak. Untuk maklumat lanjut mengenai penentuan aktiviti R&D yang layak bagi tujuan cukai pendapatan, sila rujuk kepada **perenggan 7 dalam KU ini**

Projek dan Aktiviti R&D

Projek R&D

Projek-projek R&D dilaksanakan untuk mencipta **pengetahuan baharu**, atau **proses baharu** atau **menambahbaik bagi membangunkan produk atau perkhidmatan baharu** yang terdiri daripada aktiviti R&D. Kebanyakan kes, **setiap projek R&D** :

- terdiri daripada **satu set aktiviti R&D** iaitu seperti dinyatakan di **perenggan 6.4 dalam KU ini**; dan
- diatur dan diuruskan bagi sesuatu tujuan tertentu iaitu dengan objektifnya tersendiri serta hasil yang dijangkakan, walaupun ianya pada tahap yang paling rendah bagi aktiviti R&D formal (diatur dan diuruskan).

Peringkat R&D yang layak

Kelayakan untuk insentif cukai dalam bentuk potongan dua kali / potongan satu kali di bawah ACP ditentukan di peringkat **aktiviti R&D** yang layak dan bukan di peringkat projek.

Projek dan Aktiviti R&D

Ringkasan perbezaan antara aktiviti yang dijalankan untuk aktiviti R&D yang layak dan tidak layak, dan projek R&D adalah seperti berikut -

Projek R&D [Rujuk perenggan 6.2.1]	Aktiviti yang Dirujuk sebagai Aktiviti R&D Memenuhi Definisi R&D dan Layak sebagai Aktiviti R&D yang Berkelayakan [Rujuk perenggan 6.1.2]	Aktiviti R&D yang Layak dan Tidak Layak Dikumpulkan untuk Membentuk Projek R&D
Projek MAH 1 aktiviti	Aktiviti R&D yang Berkelayakan	Aktiviti R&D yang berkelayakan membentuk projek R&D
Projek YUD 2 aktiviti	Aktiviti R&D yang Berkelayakan	Aktiviti-aktiviti R&D yang berkelayakan dikumpulkan untuk membentuk projek R&D
	Aktiviti R&D yang Berkelayakan	
Project COV 3 aktiviti	Aktiviti R&D yang Berkelayakan	Aktiviti R&D yang berkelayakan dan aktiviti-aktiviti R&D yang tidak berkelayakan dikumpulkan untuk membentuk projek R&D. (Hanya aktiviti R&D berkelayakan yang layak untuk insentif)
	Aktiviti R&D tidak berkelayakan	
	Aktiviti R&D tidak berkelayakan	
Project 19 2 aktiviti	Aktiviti R&D tidak berkelayakan	Aktiviti-aktiviti R&D yang tidak berkelayakan dikumpulkan untuk membentuk projek R&D. (Kedua-dua aktiviti R&D yang tidak berkelayakan tidak layak untuk insentif).
	Aktiviti R&D tidak berkelayakan	

Kerja-Kerja Utama R&D

Meliputi tiga (3) kerja utama:

01

Penyelidikan 1 dasar

Kerja eksperimen/teori yang dijalankan terutamanya untuk memahami sesuatu subjek dan memperoleh pengetahuan baharu daripada asas-asas yang mendasari fenomena dan fakta

02

Penyelidikan gunaan

Kerja penyiasatan asal yang dijalankan untuk memperoleh pengetahuan baharu. Menjurus kepada objektif tertentu yang bertujuan menentukan kaedah untuk menangani kehendak pelanggan

03

Pembangunan eksperimen

Kerja sistematik mengenai hasil penyelidikan yang sedia ada dan tertumpu secara khusus ke arah penghasilan baharu dan menambah baik terhadap produk atau proses.

Penentuan Aktiviti R&D yang Layak

Berkuat kuasa 28.12.2018,
aktiviti R&D perlu memenuhi kriteria kelayakan definisi baharu
R&D di bawah seksyen 2 ACP untuk dipertimbangkan sebagai
aktiviti R&D yang layak.

Aktiviti R&D yang tidak layak telah secara khusus dikeluarkan daripada skop
kelayakan aktiviti R&D dalam definisi itu

<p>R&D dijalankan secara dalaman (in-house) atau penyumberan luar (outsourcing)</p>	<p>Dibenarkan, terhadap individu yang menjalankan perniagaan di Malaysia</p>
<p>Kriteria untuk layak sebagai aktiviti R&D yang berkeuntungan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai objektif untuk: <ul style="list-style-type: none"> ○ Memperoleh pengetahuan baharu ○ Mencipta produk/proses baharu ○ Penambahbaikan pada produk /proses sedia ada ▪ Melibatkan perkara yang baharu atau risiko teknikal ▪ Merupakan kajian yang sistematik, penyiasatan dan eksperimen dalam bidang sains atau teknologi
<p>Kriteria Pertama (objektif)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sebelum aktiviti R&D bermula, objektif kajian perlu ditakrif dengan jelas ▪ Tujuan bagi mencapai penghasilan yang khusus ▪ Penghasilan yang khusus termasuk menjawab/menguji hipotesis penyelidikan untuk memperoleh pengetahuan baharu, mencipta atau menambahbaik produk/proses yang sedia ada.

Penentuan bagi Aktiviti Penyelidikan & Pembangunan yang Layak

Kriteria Pertama (objektif)

Objektif R&D mestilah:

1. memperoleh pengetahuan baharu;
 - Ilmu pengetahuan yang baharu untuk mencapai kemajuan dalam pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi
 2. mencipta produk atau proses baharu; atau
 - Penggabungan / perwakilan peningkatan dalam pengetahuan dalam bidang sains / teknologi melalui produk / proses baharu
 3. penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada
 - Penambahbaikan yang ketara melalui perubahan saintifik atau teknologi kepada produk / proses sedia ada.
- Pelaksanaan R&D mestilah berusaha untuk menangani ketidakpastian saintifik / teknologi bagi mencapai hasil yang boleh menjadi pembangunan produk, system / proses baharu.
 - Objektif R&D perlu menyatakan cabaran saintifik / teknologi yang perlu diatasi untuk menutup jurang antara hasil yang diinginkan.
 - Pengetahuan baharu yang dimaksudkan adalah ilmu yang tidak boleh didapati secara umum di dunia (tidak ada ulasan literatur yang diterbitkan), walaupun kemungkinan penghasilannya dapat dijangkakan ataupun sudah diketahui dalam industry.
 - Definisi R&D dan kriteria kelayakan perlu dipenuhi bersama, walaupun seorang professional Berjaya membangunkan produk/system/ proses yang baharu kepada dunia

Kriteria kedua (sesuatu yang baru)	<ul style="list-style-type: none">▪ Pengetahuan baru adalah suatu objektif yang dijangkakan daripada suatu aktiviti R&D.▪ Aktiviti R&D mesti mempunyai objektif yang signifikan untuk mencari sesuatu bagi mencipta pengetahuan baru, menambahbaik produk dan proses.▪ Ia perlu dinilai dengan membandingkan dengan ilmu pengetahuan sedia ada dalam industri, yang kini boleh didapati atau boleh diakses dalam industri.▪ Selain itu, perlu menghasilkan penemuan yang baharu untuk perniagaan dan belum digunakan dalam industri.▪ penambahbaikan pengetahuan, produk / proses mesti melibatkan lebih daripada peningkatan kecil
Kriteria kedua (risiko teknikal)	<ul style="list-style-type: none">▪ jika ketidakpastian saintifik atau teknologi timbul daripada jurang pengetahuan antara hasil aktiviti yang dijangkakan▪ Terdapat beberapa situasi yang melibatkan risiko teknikal antaranya:<ul style="list-style-type: none">○ matlamat untuk mencapai hasil yang diinginkan adalah mungkin secara saintifik / teknologi yang boleh dilaksanakan;○ hasilnya akan memenuhi spesifikasi yang dikehendaki○ bagaimana untuk mencapai hasil dalam amalan;○ tidak boleh didapati secara umum○ Tidak dapat disimpulkan oleh seorang professional yang kompeten▪ Tidak melibatkan risiko teknikal, jika hasil yang dijangkakan dapat dicapai dengan mudah

**Kriteria Ketiga
(kajian SIE
dalam bidang
sains /
teknologi)**

Ciri-ciri SIE adalah seperti berikut:

- Sistematis dalam bidang sains / teknologi
 - Aktiviti yang dirancang dan berstruktur (Mengikuti metodologi)
 - Dokumentasi R&D (pengurusan hasil/pengetahuan/pengajaran yang diperoleh dari aktiviti R&D)
 - Bukti dokumentari untuk menentukan aktiviti R&D yang layak (mengekalkan rekod yang sistematik).
- Penyiasatan dalam bidang sains / teknologi
 - Haruslah merupakan penyiasatan asal / baharu
 - Merupakan aplikasi kepada penghasilan penyelidikan baharu / lebih baik
 - Siasatan yang sistematik
 - Mampu membantu menyelesaikan masalah dan mampu menutup jurang antara hasil yang diinginkan
- Eksperimen dalam bidang sains / teknologi
 - Hasil eksperimen dapat ditentukan dengan menggunakan laluan berstruktur yang sistematik
 - Perlu mampu menjana pengetahuan baharu
 - Proses leleran (berulang) diperlukan untuk memberikan lebih banyak pengetahuan daripada sebelumnya.

Bukti dokumentari yang diperlukan

Antara bukti yang diperlukan seperti:

- 01** Kelulusan syarikat
 - Kelulusan daripada pihak pengurusan aktiviti R&D
 - Latar belakang aktiviti R&D, manfaat perniagaan jangkaan dan penjimatan yang diperolehi
 - Anggaran kos, pembangunan sumber pembiayaan dan pelaksanaan terhadap risiko.
 - Dokumen seperti minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan dll.

- 02** Rekod maklumat pencarian pengetahuan yg wujud sewaktu aktiviti R&D dijalankan

- 03** Butiran penyelidik yang terlibat

- 04** Data dan penyelidikan
(bukti untuk menunjukkan bahawa pengetahuan yang dicari tidak boleh didapati secara umum)

- 05** Huraian terperinci tentang hipotesis

- 06** Rekod-rekod perubahan kepada hipotesis sepanjang aktiviti R&D

- 07** Bahan mentah dan peralatan yang digunakan

08 Peralatan yang dibeli khas

09 Helaian masa kakitangan

10 Carta gantt

11 Tarikh aktiviti dijalankan

12 Helaian larian prototaip

13 Lembaran pengeluaran

14 Foto / video


15 Data yang dikumpulkan

16 Invois kontraktor

17 Minit mesyuarat projek

18 Peneragan mengenai aktiviti R&D

19 Rekod perbelanjaan R&D



K1

Objektif

- Memperoleh pengetahuan baharu
- Mencipta produk / proses baharu
- Penambahbaikan pada produk yang / proses yang sedia ada.

K2

Sesuatu yang baharu

Pengetahuan baharu yang diperoleh, penambahbaikan produk / proses yang sedia ada, pertama di Malaysia

K2

Risiko Teknikal (RT)

Penglibatan RT dalam mencapai hasil yang diinginkan disebabkan oleh ketidakpastian saintifik / teknologi yang tidak dapat diselesaikan oleh golongan profesional

K3

SIE

Aktiviti R&D yang dijalankan menggunakan pendekatan yang sistematik, penyiasatan dan eksperimen untuk menyelesaikan ketidakpastian saintifik / teknologi.

Contoh aktiviti R&D yang memenuhi **kesemua** kriteria:

ABC Sdn Bhd, sebuah syarikat farmaseutikal di Malaysia menjalankan aktiviti R&D untuk merangka dan membangunkan suatu produk pepejal oral yang generik. ABC Sdn Bhd menanda aras dari inovator, tablet controloc yang dihasilkan oleh XYZ Ltd di Amerika Syarikat (AS).

Pelan Kajian	Butiran aktiviti	Adakah kriteria telah dipenuhi?	Justifikasi
Objektif	Membangunkan tablet oral generik daripada tablet asal yang merupakan rahsia perdagangan innovator di Amerika Syarikat	Kriteria pertama : Dipenuhi <ul style="list-style-type: none"> Layak sebagai aktiviti R&D yang berkelayakan 	<ul style="list-style-type: none"> Untuk memperoleh pengetahuan baharu Menghasilkan produk baharu di Malaysia (tablet oral generik)
Pengetahuan Sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> Meneroka maklumat terkini yang terdapat di dalam dan luar Malaysia Melibatkan professional yang kompeten untuk menentukan rumusan bahan yang diperlukan Maklumat yang diperlukan rahsia perdagangan inovator. Terdapat ketidakpastian saintifik / teknologi yang dihadapi oleh syarikat. 	Kriteria kedua : Dipenuhi <ul style="list-style-type: none"> Layak sebagai aktiviti R&D yang berkelayakan 	<ul style="list-style-type: none"> Pencapaian hasil yang tidak pasti disebabkan oleh ketidakpastian saintifik / teknologi yang dihadapi oleh syarikat itu. Aktiviti R&D telah menghadapi risiko teknikal dalam mencapai hasil yang diinginkan.
Metodologi	<ul style="list-style-type: none"> Penyelidikan reka bentuk formulasi dengan melakukan carian rujukan Mencari bahan- bahan farmaseutikal aktif (API) sebagai sumber untuk melakukan ujian benchtop yang mengikut parameter produk inovator. 	Kriteria ketiga : Dipenuhi <ul style="list-style-type: none"> Layak sebagai aktiviti R&D yang berkelayakan 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti R&D telah dirancang dengan berstruktur dengan menggunakan metodologi. Dokumentasi telah disediakan secara terperinci Kajian penyiasatan tidak menutup sebarang jurang antara hasil yang diinginkan. Eksperimen yang dijalankan adalah untuk menguji kestabilan kelompok
Ujian	Melakukan ujian kestabilan kelompok untuk lulus kajian biokesetaraan		

Contoh aktiviti R&D yang **tidak memenuhi** kriteria:

Sebuah syarikat farmaseutikal di Malaysia menjalankan penyelidikan aktiviti R&D yang berkaitan dengan perniagaan untuk mencipta Vitamin C dengan pelbagai rasa.

Pelan Kajian	Butiran aktiviti	Adakah kriteria telah dipenuhi?	Justifikasi
Objektif	Menukar produk vitamin C sedia ada dengan rasa oren kepada strawberi dan blueberry	Kriteria pertama : Tidak dipenuhi Tidak layak sebagai aktiviti R&D yang berkecualan	<ul style="list-style-type: none"> Objektifnya jelas menukarkan produk Vitamin C yang sedia ada kepada perasa baru iaitu strawberi dan blueberry Tiada pengetahuan baharu dalam aktiviti R&D Melibatkan pengubahsuaian produk yang sedia ada (tiada penghasilan produk baharu)
Pengetahuan Sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> Meneroka maklumat tekni yang terdapat di dalam dan luar Malaysia dengan menggunakan aditif makanan yang terdapat di pasaran. Profesional yang kompeten telah dirujuk. 	Kriteria kedua : Tidak dipenuhi Tidak layak sebagai aktiviti R&D yang berkecualan	<ul style="list-style-type: none"> Tidak melibatkan sebarang risiko teknikal dalam aktiviti R&D yang dijalankan Aktiviti yang dilakukan hanya menguji penggunaan aditif makanan yang sedia ada dalam pasaran Tidak terdapat sebarang kepastian yang saintifik / teknologi yang akan diperolehi daripada aktiviti tersebut
Metodologi	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan plot percubaan Aplikasi rawatan Catatkan pertumbuhan suhu dengan nisbah aditif makanan dimakmal Merekod hasil vitamin C dengan rasa strawberi dan blueberry. Analisa dan memproses data 	Kriteria ketiga : Tidak dipenuhi Tidak layak sebagai aktiviti R&D yang berkecualan	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti yang dijalankan telah dirancang dan didokumenkan. Kajian yang dilakukan adalah untuk menutup jurang antara hasil yang diinginkan dan tahap pengetahuan pada masa permulaan kajian. Hasilnya sudah menjadi fakta yang diketahui
Ujian	Penyediaan plot percubaan Aplikasi rawatan Rekod ukuran pertumbuhan suhu Analisa dan memproses data		

Aktiviti yang tidak termasuk sebagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan

Sebab-sebab pengecualian	<ul style="list-style-type: none">▪ Tidak memenuhi kriteria untuk menyelesaikan ketidakpastian saintifik / teknologi untuk kemajuan sains / teknologi▪ Aktiviti-aktiviti ini berkaitan dengan objektif komersil atau pentadbiran, bukan kepada penyelesaian ketidaktentuan saintifik / teknologi▪ Aktiviti berobjektif komersil termasuk:<ul style="list-style-type: none">i. Kerja pra pengeluaran sebelum berlakunya komersilii. Aturan langkah-langkah susulan bagi menjayakan aktiviti dalam fasa awal pengeluaran komersiliii. Kawalan kualiti semasa pengeluaran komersil termasuk ujian rutin ke atas produk atau prosesiv. Penyelesaian kepada masalah berkaitan dengan kerosakan semasa pengeluaran komersilv. Penyesuaian ke atas keupayaan yang sedia ada untuk sesuatu keperluan tertentu atau untuk memenuhi kehendak pelanggan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti komersil yang berterusan
Aktiviti yang dikecualikan sebagai aktiviti R&D yang layak	<ul style="list-style-type: none">▪ Ujian rutin / kualiti kepada bahan, peranti atau produk▪ Penyelidikan dalam sains sosial / kemanusiaan▪ Pengumpulan data secara rutin▪ Kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan▪ Penyelidik pasaran atau promosi jualan▪ Modifikasi rutin atau perubahan kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses / kaedah pengeluaran▪ Pengubahsuaian kosmetik / perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses / kaedah pengeluaran.

Aktiviti bukan penyelidikan dan pembangunan

Rules of Thumb on Double Tax Deduction

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang bukan penyelidikan dan pembangunan:

- Pembelajaran umum dan Latihan
- Perkhidmatan maklumat saintifik / teknologi
- Fabrikasi atau pengubahsuaian jentera / peralatan

- Aktiviti umum perdagangan seperti:
 - i. Rangkuman Langkah-langkah perdagangan dan kewangan seperti perancangan perniagaan, analisis keuntungan dan kos, kajian pengurusan atau polisi
 - ii. Pengeluaran dan pengagihan barangan perkhidmatan
 - iii. Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan lain (kesetiausahaan, perkeranian, keselamatan)
 - iv. Perkhidmatan sokongan am (pengangkutan, penyimpanan, penyelenggaraan)

- Aktiviti yang melibatkan rekaan bentuk dan kejuruteraan pembinaan (pembinaan, penempatan semula, penyusunan semula atau permulaan membangunkan kemudahan)

Rules of Thumb on Double Tax Deduction

01

Research **MUST** have correlation with sponsor nature of business

02

Research **MUST** be in Science and Technology

03

Consultation based **IS NOT ALLOWED** for DTD

04

Source of research funding **MUST** come directly from company

05

Kindly **PLEASE** refer Document GP_RND_13082020 by LHDN

06

5% UTHM's Service Charge Included in the Total Amount Contributed

BILA UTHM HANTAR MAKLUMAT PENGESAHAN DOUBLE TAX DEDUCTION ?

- **RMC HANTAR SETIAP KALI
KEMASUKAN PERUNTUKAN
DITERIMA DARIPADA PENAJA**

APA DOKUMEN YANG DIHANTAR?

- **RESIT RASMI UTHM**
- **BORANG PENGESAHAN
PENAJAAN PENYELIDIKAN**
- **SURAT IRINGAN PENGESAHAN
TAJAJAN DARI
PENGARAH/PEGAWAI DIBERI
KUASA**
- **SIJIL DTD UTHM**



Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan yang digunakan untuk membeli modal/aset atau menaikkan nilai modal. Misalnya, membeli bangunan, mesin dan jentera, ubahsuai, perabot, bayar ansuran pinjaman dan lain-lain.



PERBELANJAAN MODAL

Perbelanjaan ini memang tidak dibenarkan walaupun dibeli oleh insitusi dan diletakkan di institusi



ASET YANG DIBENARKAN

Fabrikasi dibenarkan



PERBELANJAAN HASIL

Perbelanjaan ini dibenarkan kerana ianya tidak meningkatkan modal



ASET YANG TIDAK DIBENARKAN

Tangible asset

Setiap institusi perlu tahu perbelanjaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan bagi penyelidikan



FABRIKASI DIBENARKAN

- ✓ Fabrikasi adalah proses membina produk dengan menggabungkan bahagian yang beragam, biasanya bersandar.
- ✓ Alatan itu bukan dalam kategori perbelanjaan modal. Alatan terdiri daripada bahan pakai habis yang dicantum sama ada menjadi aset pada akhirnya atau sebagai alatan uji kaji

Perbelanjaan Tidak Dibenarkan

Perbelanjaan modal pula merupakan perbelanjaan yang digunakan untuk membeli modal/aset atau menaikkan nilai modal

01

- Buku Atau Majalah

02

- Semua cukai termasuk Cukai Perkhidmatan/Cukai Jalan
- Perbelanjaan modal ke atas loji & jentera

03

- Perbelanjaan dalam pemerolehan hak keatas mana-mana harta

04

- Tanah
- Premis
- Royalti

05

- Insurans
- Kelengkapan

06

- Struktur atau kerja yang berbentuk kekal termasuk pemasangan/pengubahsuaian / tambahan/sambungan struktur asal

Perbelanjaan Hasil

Perbelanjaan hasil ialah perbelanjaan yang digunakan untuk tujuan menghasilkan pendapatan dalam operasi perniagaan

- ✓ Bahan mentah
- ✓ Slaid atau fotograf.
- ✓ Tenaga manusia
- ✓ Perkhidmatan teknikal
- ✓ Kos perjalanan
- ✓ Kos pengangkutan
- ✓ Kos sewa
- ✓ Kos penyelenggaraan
- ✓ Kos utiliti
- ✓ Kos alat tulis
- ✓ Kos cetakan laporan
- ✓ Kos reka bentuk
- ✓ Kos baju makmal
- ✓ Kos kurier

PERBELANJAAN DIBENARKAN

Rujukan : Ketetapan Umum No 6/2020



APA ANDA BOLEH LAKUKAN PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN MELIBATKAN ASET

01

- Sewa dengan syarikat lain atau Industri yang berkaitan

02

- Membuat pembelian aset dengan maklum kepada penaja pembelian aset tidak boleh dituntut Double Tax Deduction

03

- Industri membuat pembelian dan tuntutan Capital Allowance (Perbelanjaan dibenarkan)

Permulaan dan penyelesaian bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan

Permulaan aktiviti R&D

Tarikh aktiviti R&D tertentu bermula

Penyelesaian aktiviti R&D

Tarikh ujian ke atas sesuatu produk prototaip diselesaikan / prinsip-prinsip suatu proses pengeluaran baharu ditetapkan

Jangka masa aktiviti R&D mungkin mengambil masa dua tempoh asas / lebih

Kemas kini dan pindaan

KU No. 5/2004 telah dipinda, ditulis semula dan dikemas kini. Diterbitkan dalam dua bahagian:

1. **KU No. 5/2020**: Layanan Cukai terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I – Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak
2. **KU No 6/2020**: Layanan Cukai terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II – Potongan Khas.

Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh

Contoh Proposal (Kandungan yang perlu ada)

01

Title:

Try start with Development on.....

02

Objective:

Objective 1: ***Develop***

Objective 2: ***Validate***.....

03

Hypothesis:

04

Methodology:

By phases

MAKLUMAT PENGECUALIAN DUA KALI (DTD) UNTUK R&D

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM NO 6/2020

**LAYANAN CUKAI TERHADAP PERBELANJAAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN II – POTONGAN KHAS**

KANDUNGAN

- **Objektif**
- **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**
- **Taksiran**
- **Kelayakan untk menuntut isentif bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang layak**
- **Potongan dua kali atau potongan satu kali**
- **Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan yang layak**
- **Tuntutan potongan dua kali di bawah Seksyen 34A ACP**
- **Syarikat perintis menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan membuat pilihan di bawah seksyen 34A (4A) ACP**
- **Tuntutan potongan dua kali di bawah seksyen 34B ACP**
- **Tuntutan potongan dua kali di bawah subseksyen 34(7) ACP**
- **Elaun bangunan industri dan Elaun Modal**
- **Denda kerana memberi maklumat yang tidak betul**
- **Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan di bawah seksyen 34A ACP**
- **Kemas kini dan pindaan**
- **Penafiaan.**

KETETAPAN UMUM NO 6/2020

Objektif

Menjelaskan perbelanjaan yang layak bagi mendapat potongan khas (insentif) yang berkenaan dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang layak.

Peruntukan undang-undang berkaitan

- KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7 and 8, subseksyen 33(1) and 34(7), seksyen 34A, 34B dan 140A dan Jadual 3.

Tafsiran

TAFSIRAN	HURAIAN
Perniagaan selepas perintis	Perniagaan suatu syarikat perintis yang disifatkan di bawah seksyen 15 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP) sebagai telah ditubuhkan dan bermula pada sehari selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukai
Syarikat perintis	Syarikat yang diperakui oleh sijil perakuan perintis yang dikeluarkan oleh Kementerian perdagangan antarabangsa dan industri (KPAI) dan mempunyai makna yang diberikan di bawah APP.

Kelayakan untuk menuntut insentif bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang layak

Seseorang yang bermastautin di Malaysia yang menjalankan aktiviti R&D berhubung dengan perniagaannya dan melakukan secara langsung ke atas perbelanjaan berjenis hasil R&D, boleh menuntut insentif ini.

Insentif boleh dituntut sebagai –

- Peruntukan khas di bawah subseksyen 34(7) ACP (potongan satu kali); atau
- Potongan khas di bawah seksyen 34A ACP (potongan dua kali) yang perlu diluluskan oleh Kementerian; atau
- **Potongan khas di bawah seksyen 34B ACP (Potongan dua kali) yang perlu diluluskan oleh Kementerian.**

Sila rujuk kepada KU No. 5/2020 bertajuk Layanan Cukai bagi Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I – Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Layak untuk penjelasan lanjut mengenai definisi R&D dan kriteria kelayakannya.

Kelayakan Potongan 2 @ 1 Kali

Antara kelayakan untuk menuntut insetif Potongan Dua kali atau Satu Kali :

- **Potongan Dua Kali di bawah Seksyen 34A, ACP**

- Amaun perbelanjaan (tidak termasuk perbelanjaan modal seperti loji, jentera, tanah, struktur) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan.
- Menuntut potongan dua kali ke atas perbelanjaan berjenis hasil yang layak dilakukan untuk aktiviti tersebut tetapi tidak termasuk perbelanjaan modal
- Insetif hanya disediakan kepada orang yang menjalankan aktiviti R&D dalaman.
- Tuntutan potongan boleh dibuat selepas mendapat kelulusan dari ketua pengarah hasil dalam negeri bagi aktiviti R&D

- **POTONGAN DUA KALI DI BAWAH SEKSYEN 34B, ACP**

Dalam menentukan pendapatan larasan seseorang daripada perniagaan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan dibenarkan dua kali amaun perbelanjaan (**bukan merupakan perbelanjaan modal**) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan. **Potongan dua kali itu boleh ditolak daripada pendapatan kasar** perniagaan dalam tempoh itu berkenaan dengan :

- i. Sumbangan **secara tunai kepada institut penyelidikan** yang diluluskan;
- ii. Bayaran untuk **penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan** yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; atau
- iii. Bayaran untuk **penggunaan perkhidmatan syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak**

Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan yang layak

Untuk mendapat kelayakan bagi potongan dua kali, perbelanjaan berjenis hasil hendaklah dilakukan untuk aktiviti R&D berkelayakan diluluskan dalam tempoh asas.

Akaun bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi setiap aktiviti perlu disimpan secara berasingan tanpa mengira sama ada aktiviti diluluskan atau tidak.

Antara perbelanjaan yang layak mendapat potongan dua kali / satu kali:

- **Bahan mentah**
- **Tenaga manusia**
- **Perkhidmatan teknikal**
- **Kos perjalanan**
- **Kos pengangkutan**
- **Kos penyelenggaraan**
- **Sewa**
- **Perbelanjaan-perbelanjaan lain**

Senarai perbelanjaan	Kelayakan	Kriteria
Bahan Mentah	Layak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Segala bahan mentah yang digunakan secara langsung dalam aktiviti R&D ▪ Kos acuan, dai dan alat-alat ringan yang mempunyai jangka hayat tidak lebih setahun serta tidak boleh digunakan semula
	Tidak Layak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembelian aset tetap ▪ Kos bahan yang digunakan untuk pengeluaran/tujuan pentadbiran
	Dipertimbangkan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahan mentah yang diambil dari stok perniagaan, kos tersebut hendaklah sesuatu yang boleh ditentukan secara berasingan dan diukur dengan pasti.
Tenaga Manusia	Layak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Gaji asas seorang pekerja yang terlibat sepenuh masa dalam aktiviti R&D ▪ Perkerja yang terlibat dengan kursus dan seminar (perlu berkaitan dengan aktiviti R&D)
	Tidak Layak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ KWSP, SOCSO, bonus, perubatan dan manfaat(barangan)
	Dipertimbangkan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jika terdapat pekerja yang tidak terlibat secara sepenuh masa, perbelanjaan dituntut hendaklah dibahagikan mengikut masa sebenar (disokong dengan helaian masa).

Perkhidmatan teknikal	Layak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bayaran perkhidmatan teknikal termasuk: Perundingan kepada syarikat/ Individu, Peralatan Ujian, SIRIM, FRIM dan Universiti ▪ Luar Negara: perbelanjaan perkhidmatan teknikal tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah perbelanjaan R&D. ▪ Jika baki perbelanjaan adalah perbelanjaan yang dibenarkan seperti perkhidmatan teknikal yang dilakukan dalam negeri, pembelian bahan mentah, tenaga manusia dan pengangkutan.
	Tidak Layak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkhidmatan teknikal yang dijalankan di luar Malaysia melebihi 30% daripada jumlah perbelanjaan R&D yang dibenarkan.
	Dipertimbangkan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jika perbelanjaan teknikal melebihi 30% dari jumlah perbelanjaan R&D. ▪ Sekiranya bayaran dibuat kepada penyelidik asing/perunding asing, potongan bayaran bagi cukai pegangan mesti dibuat (jika berkenaan)
Kos perjalanan	Layak	<ol style="list-style-type: none"> a. Lawatan ke stesyen R&D <ul style="list-style-type: none"> ○ Perbelanjaan yang dibenarkan termasuk kos perjalanan dan elaun harian (makan dan penginapan). b. Menghadiri kursus/seminar <ul style="list-style-type: none"> ○ Melibatkan kos perjalanan dalam negeri/luar negara oleh kakitangan R&D (kos perjalanan, elaun harian dan fi kursus/seminar)
	Tidak Layak	Perbelanjaan seperti kos perjalanan untuk melawat penjual, mesyuarat dengan pembekal, menghadiri pameran, tinjauan pasaran dan lain2.

Kos pengangkutan	Layak	Kos pengangkutan bahan mentah bagi aktiviti R&D
	Tidak Layak	Kos pengangkutan asset tetap, hasil produk, kos bayaran pos tujuan pentadbiran.
Kos Penyelenggaraan	Layak	Kos penyelenggaraan kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera (yang berkaitan dengan R&D)
	Tidak Layak	Perbelanjaan modal ke atas loji dan jentera (termasuk kos pemasangan) kelengkapan, tanah, premis, bangunan, struktur atau kerja-kerja bersifat kekal (melibatkan kerja pengubahan, penambahan atau sambungan)
Sewa	Layak	Sewa kenderaan, bangunan, peralatan dan jentera yang digunakan bagi aktiviti R&D.
	Tidak Layak	Sewa premis (bagi tujuan pentadbiran), sewa kenderaan (termasuk petrol, insurans dan cukai jalan untuk kakitangan/pakar perunding), sewa jentera (bagi tujuan pengeluaran).
Perbelanjaan lain-lain	Layak	Perbelanjaan bagi tujuan pembayaran bil seperti air, elektrik, telefon, faks, kurier, alat tulis, Salinan laporan R&D, dakwat untuk mencetak laporan, baju makmal dan slaid atau fotograf.
	Tidak Layak	Perbelanjaan seperti buku, majalan, insurans dan semua cukai (perkhidmatatan atau jalan)

Tuntutan Potongan Dua Kali di bawah Seksyen 34B ACP

- Tuntutan hendaklah dibuat selepas memenuhi kriteria kelayakan
- **Penyedia perkhidmatan adalah syarikat R&D yang diluluskan**

LAYAK	TIDAK LAYAK
Bagi individu yang membayar bagi penggunaan perkhidmatan syarikat R&D yang tidak berkaitan dengannya, bagi menjalankan aktiviti R&D	Bagi syarikat yang mendapatkan perkhidmatan R&D terhadap syarikat yang telah menerima Elaun Cukai Pelaburan (belum tamat tempoh)

- **Penyedia perkhidmatan adalah syarikat R&D kontrak yang diluluskan**

LAYAK	Bagi syarikat R&D kontrak yang menyediakan perkhidmatan R&D kepada syarikat yang tidak berkaitan dengannya.
--------------	---

- **Melengkapkan Borang 3 untuk tujuan audit.**

Borang ini hendaklah disimpan dan dikemukakan sewaktu pemeriksaan audit oleh LHDNM.

Tuntutan Potongan Satu Kali di bawah Subseksyen 34(7) ACP

- **Tuntutan hendaklah dibuat selepas memenuhi kriteria**
Layak bagi individu yang menjalankan aktiviti R&D secara in-house atau outsourcing dalam perniagaannya.
- **Melengkapkan Borang 4 untuk tujuan audit**
Pengemukaan Borang 4 yang lengkap dengan dokumen sokongan adalah dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir mengemukakan BNCP.

Elaun Bangunan Industri (EBI) dan Elaun Modal

Elaun Bangunan Industri (EBI)


Bangunan yang digunakan untuk aktiviti R&D boleh dituntut sebagai EBI.

Perbelanjaan bangunan termasuklah perbelanjaan modal bagi tujuan pembinaan/pembelian bangunan, pengubahsuaian premis bagi tujuan aktiviti R&D.

Elaun Modal

Boleh dituntut bagi perbelanjaan modal terhadap penyediaan loji dan jentera yang digunakan untuk tujuan R&D.

Kejayaan DTD-UTHM



Enquiries:

Research Management Center (RMC)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

✉ dtdrmc@uthm.edu.my / rmc@uthm.edu.my

